

JAWAPAN MINIT
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM - SWASTA
1/2005

PERKARA	AGENDA	MUKA SURAT	KEDUDUKAN/TINDAKAN
[3] Section 22 of the Sales Tax Act 1972 (Usul oleh MIA)	5	16	Kedudukan Keputusan atas sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti mengilang barangan 'intermediate' bercukai yang akhirnya digunakan sendiri dalam pengilangan barangan siap tidak bercukai (integrated process) telah dibuat oleh Perbendaharaan iaitu meremitkan cukai kebelakangan atas barangan 'intermediate' tersebut yang dituntut oleh Jabatan. Ini bermakna Perbendaharaan masih mengekalkan dasar semasa untuk mengenakan cukai ke atas barangan 'intermediate' berkenaan selaras dengan peruntukan undang-undang. Dengan ini, mana-mana syarikat yang membuat rayuan remisi atas isu yang sama dibawah Peruntukan Seksyen 33 Akta Cukai Jualan 1972 akan dipertimbangkan oleh Menteri Kewangan mengikut <i>merit</i> sesuatu kes. Syarikat boleh juga memohon pengecualian di bawah Seksyen 10, Akta Cukai Jualan 1972 mengikut '<i>yearly basis</i>'. Untuk makluman
[6] Manufacture and Other Operations in Relations to Goods in Licensed Warehouse (Usul oleh MICCI)	5	18	Kedudukan Panasonic HA Air Conditioning(M) Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor boleh memohon ke Bahagian Kastam Ibu Pejabat untuk mendapat kelulusan. Untuk makluman
[7] Exemption of Duty (Usul oleh MICCI)	5	18	Kedudukan Kelulusan pengecualian masih kekal satu tahun bagi tujuan pemantauan keatas pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan

PERKARA	AGENDA	MUKA SURAT	KEDUDUKAN/TINDAKAN
			pengecualian Untuk makluman.
[8] Monthly Customs Report (Usul oleh MICCI)	5	19	Kedudukan Cadangan tidak diterima. Walau bagaimanapun Jabatan bersetuju untuk menerima penyata dalam bentuk CD (cakera padat). Untuk makluman
[11] Master Exemption List (Usul oleh MICCI)	5	20	Kedudukan Perkara ini telah dirujuk kepada Pengerusi Jawatankuasa Petroleum, Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan dalam Mesyuarat Ke 12 pada 28.12.2005 dan Pengerusi telah menasihat MICCI untuk menulis terus kepada Bahagian Analisa Cukai berhubung pengkemaskinian Senarai Utama Pengecualian (MEL). Pihak Urusetia telah memaklumkan kepada MICCI mengenai tindakan ini melalui surat bertarikh 25 Januari 2006. Untuk makluman
[12] Procedure on Inspection of Empty Containers (Usul oleh MICCI)	5	21	Kedudukan Surat arahan KE.BB(80)657/01 bertarikh 26 Mei 2005 telah dikeluarkan oleh Pengarah Kastam Selangor memaklumkan bahawa kontena kosong diperiksa secara 'tail board inspection' semasa kontena tersebut keluar di pintu keluar Zon Bebas Pelabuhan. Untuk makluman

PERKARA	AGENDA	MUKA SURAT	KEDUDUKAN/TINDAKAN
[16] Service Tax Exemption on Intra-Group Services (Usul oleh MIT)	5	24	Kedudukan Hasil perbincangan dengan pihak Perbendaharaan keputusan sediaada masih dikekalkan. Sekiranya perkhidmatan yang sama diberikan kepada syarikat diluar kumpulan, perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada Cukut Perkhidmatan termasuk perkhidmatan didalam kumpulan yang sama. Untuk makluman
[21] Requirement for Forwarding Agents to Declare and Clear Cargo (Usul oleh FMM)	5	28	Kedudukan Bahagian Kastam Ibu Pejabat telah mengeluarkan surat KE.HE(-)379/12 Klt.5 (14) bertarikh 11 Ogos 2005 kepada semua negeri/stesen untuk membenarkan agen penghantaran menguruskan pelepasan dagangan bagi pihak 'Direct users' dengan syarat surat lantikan dikeluarkan oleh 'Direct users'. Untuk makluman.
[1] Payment of duties/taxes retrospectively Usul oleh FMFF)	6	29	Kedudukan Semasa kajian ke atas kadar duti CEPT baru dijalankan, pengimport boleh bayar dengan kadar lama dengan bantahan. Tuntutan pulangbalik duti boleh dikemukakan kepada Jabatan, apabila kadar baru digazetkan. Untuk makluman